

25/04/2003

Pastikan peralihan kuasa berjalan lancar: Najib

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH: Setiap ahli Umno bertanggungjawab memastikan peralihan pucuk pimpinan parti dan negara pada Oktober ini berjalan lancar, tanpa menggugat perpaduan dalam parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata kunci menjamin proses peralihan yang lancar ialah dengan berpegang kepada amalan, tradisi dan disiplin parti.

"Saya minta ahli Umno memastikan peralihan pucuk pimpinan yang akan berlaku tidak lama lagi adalah peralihan yang berjalan dengan lancar, licin dan tidak menggugat perpaduan dalam parti.

"Kita mahu pastikan yang dinamakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penggantinya ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beliau mesti diberi sokongan untuk memimpin kita pada masa akan datang," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Tambun di sini, malam kelmarin.

Hadir sama Menteri Besar merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Ketua Umno bahagian Tambun, Datuk Husni Hanadzlah.

Najib yang juga Menteri Pertahanan ketika ditemui selepas itu, berkata beliau yakin peralihan kepemimpinan Umno akan berjalan lancar berdasarkan keunikan parti itu yang berpegang kuat kepada amalan dan tradisi termasuk dalam proses perubahan kepemimpinannya.

Beliau berkata, tiada sebab peralihan itu tidak boleh berjalan lancar selepas Umno beberapa kali melalui peralihan kepemimpinan dengan lancar sebelum ini.

"Kerana kita berpegang kepada amalan dan tradisi ini maka peralihan kepemimpinan parti dan negara apabila sampai masanya, berjalan dengan licin dan tidak berlaku sebarang perkara tidak diingini ataupun akan menimbulkan perpecahan parti.

"Sudah berlaku beberapa kali dalam parti (peralihan kepemimpinan yang lancar), jadi tiada sebab apabila ini berlaku sekali lagi, ia tidak sama seperti yang berlaku pada masa lalu," katanya.

Ditanya jika ada mana-mana pihak cuba mempertikaikan proses peralihan itu, Najib berkata, isu itu tidak seharusnya dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

"Tidak seharusnya berlaku permainan politik picisan dan politik kepentingan diri yang boleh menggugat kestabilan dalam parti.

"Apa yang penting ialah kita mesti menjaga keutuhan parti kerana Umno adalah satu-satunya parti politik di dunia yang sudah mencapai kejayaan mengatasi pencapaian dan usia parti lain di dunia ini," katanya.